

TARIKH : 2 DISEMBER 2022
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 32

Petronas catat untung lebih tinggi RM30.8 bilion

Petronas catat untung lebih tinggi RM30.8 bilion

Kuala Lumpur: Petroliaam Nasional Bhd (Petronas) merekodkan keuntungan selepas cukai lebih tinggi iaitu RM30.8 bilion bagi suku ketiga berakhir 30 September 2022 berbanding RM16.3 bilion pada suku sama tahun kewangan 2021.

Dalam kenyataan, syarikat minyak negara itu juga menjelaskan pihaknya mencatatkan keuntungan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) RM47.5 bilion.

Perolehan pula meningkat kepada RM99.2 bilion daripada RM61.8 bilion bagi tempoh sama, didorong terutama oleh kesan harga yang menggalakkan bagi produk utama serta kesan

kadar pertukaran asing yang baik, tambahnya.

Bagi sembilan bulan pertama 2022, keuntungan selepas cukai meningkat kepada RM77.2 bilion dan EBITDA pada RM130.2 bilion.

Perolehan berjumlah RM271.3 bilion berbanding RM171.4 bilion pada tempoh sama 2021, dipacu oleh impak harga memberangsangkan bagi produk utama sejajar harga penanda aras lebih tinggi.

"Petronas mencatatkan prestasi kukuh pada sembilan bulan pertama 2022 dalam pasaran tenaga yang terus tidak menentu ditambah dengan pencepatan peralihan tenaga.



Petronas mencatatkan prestasi kukuh pada sembilan bulan pertama 2022"

Petronas

"Prestasi kukuh syarikat dipacu oleh tumpuan untuk merealisasikan kecermerlangan komersial dan operasi dengan yakin di seluruh rangkaian nilai bersepadu, disokong harga komoditi tinggi," jelasnya.

Menurut Petronas aliran tunai daripada kegiatan

operasi (CFFO) bagi sembilan bulan pertama meningkat kepada RM83.1 bilion.

Jumlah aset melonjak kepada RM725.6 bilion setakat 30 September 2022 daripada RM635 bilion pada 31 Disember 2021.

Sementara itu, ekuiti pemegang saham bertambah kepada RM386.2 bilion pada 30 September 2022 daripada RM350.8 bilion pada 31 Disember 2021 disumbangkan terutama oleh keuntungan dicatatkan semasa tempoh itu.

Pelaburan modal oleh Petronas sebanyak RM27.4 bilion, menokok 34 peratus daripada angka pada tempoh yang sama 2021.

Sektor huluannya mencatatkan jumlah purata pengeluaran harian 2,415 ributong setara minyak (boe) sehari dalam tempoh sembilan bulan pertama 2022, lebih tinggi daripada 2,269 ribu boe sehari dicatatkan dalam tempoh sama pada tahun lalu, didorong terutama oleh pengeluaran lebih tinggi daripada operasi antarabangsa.

Bagaimanapun, katanya ini sebahagiannya diimbangi oleh pengeluaran gas asli rendah daripada operasi antarabangsa berikutan penjualan aset di Azerbaijan.